

# Paras air 7 empangan utama cukup 30 hari

## » Operasi pembenihan awan giat diusahakan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi,  
Yahya Awang dan Nur Fatin  
Mohd Satar

bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tujuh empangan utama di lima negeri terus merekodkan bacaan paras air semakin membimbangkan apabila sebahagiannya hanya mampu menampung bekalan air bagi permintaan domestik untuk 30 hari.

Empangan itu membabitkan Timah Tasoh di Perlis; Bukit Merah, Perak dan Beris di Kedah, manakala empangan Labong di Johor pula mampu bertahan untuk empat bulan.

Empangan Muda di Kedah dan empangan Bukit Kwong di Kelantan, merekodkan bacaan paras air semakin menurun, namun masih mampu menampung permintaan untuk tempoh lebih lama.

### Bekalan air cukup 15 hari

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ir Zulkefli Hassan, berkata empangan yang membimbangkan adalah Padang Saga di Kedah, hanya berkeupayaan menampung per-

mintaan bekalan air domestik hanya untuk 15 hari saja.

"Bagi mengatasi kekurangan itu operasi pembenihan awan sedang giat diusahakan, malah orang ramai dinasihatkan supaya merancang penggunaan air supaya tidak berlaku pembaziran," katanya kepada BH sebagai mengulas kedudukan terkini empangan utama di seluruh negara.

Berdasarkan rekod kedudukan baki paras air di empangan utama di seluruh negara dikeluarkan JPS setakat kelmarin, empangan Timah Tasoh merekodkan baki simpanan 27.60 peratus iaitu di bawah 50 peratus.

Empangan lain merekodkan bacaan di bawah 50 peratus, Beris (34.74 peratus), Labong (10.35 peratus), Bukit Merah (18.10 peratus), Padang Saga (37.49 peratus), Bukit Kwong (10.84 peratus) dan 42.9 peratus bagi empangan Muda.

### Catat bacaan 60 peratus ke atas

Biarpun kesan El Nino turut dirasai di kebanyakan kawasan di negara ini termasuk di ibu negara, namun bacaan paras air di empangan utama di Lembah Klang masih mencatatkan bacaan sempurna iaitu 60 peratus ke atas.

Ia termasuk di empangan Tasik Subang (87.93 peratus); Klang Gates (71.76 peratus); Semenyih (71.12 peratus); Langat (73.38 peratus) dan Sungai Selangor pada bacaan 67.35 peratus. Empangan yang menghampiri baki 50 peratus adalah empangan Bekok di

Johor iaitu 52.32 peratus.

Di **Bagan Serai**, paras air di Tasik Bukit Merah merosot kepada paras 6.18 meter semalam, berbanding 6.21 meter kelmarin yang dikategorikan sebagai paras kritikal tahap 3 berikutan fenomena El Nino yang mengakibatkan cuaca panas berlarutan ketika ini.

Jurutera Daerah JPS Kerian, Hasmi Mat, berkata ketiadaan hujan dan cuaca panas terik mengakibatkan berlakunya pemeluapan air tasik pada kadar seinci sehari.

### Warta kawasan tadahan air

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata semua kawasan tadahan air mesti diwarta dan tanah rizab sungai dipertahan serta tidak diganggu dengan sebarang bentuk aktiviti, termasuk pertanian.

Katanya, dua usul itu antara cadangan bakal diketengahkan di bawah Pelan Rangka Kerja Air Negara untuk jangka panjang, bagi mengawal selia pengurusan sumber bekalan air yang ketika ini tidak sistematik.

Beliau berkata, laporan awal pelan itu yang akan dibentangkan ke Kabinet bulan depan, kini masih pada peringkat kajian mendalam.

Katanya, kajian baharu dimulakan beberapa bulan lalu itu membabitkan pakar akademik dari Majlis Profesor Negara serta Majlis Sains Negara, selain pembabitan secara langsung JPS.

## PARAS AIR EMPANGAN SEHINGGA KELMARIN

Empangan pengairan dan bekalan air dengan baki takungan kurang 50%

1	Timah Tasoh (Perlis)	27.60
2	Beris (Kedah)	34.74
3	Labong (Johor)	10.35
4	Bukit Merah (Perak)	18.10
5	Padang Saga (Kedah)	37.49
6	Bukit Kwong (Kelantan)	10.84
7	Muda (Kedah)	42.90

Empangan pengairan dan bekalan air dengan baki takungan menghampiri 50%

8	Bekok (Johor)	52.32
---	---------------	-------

Empangan pengairan dan bekalan air dengan baki takungan melebihi 60%

9	Semenyih (Selangor)	71.12
10	Klang Gates (Selangor)	71.76
11	Batu (Kuala Lumpur)	72.21
12	Langat (Selangor)	73.38
13	Sungai Selangor (Selangor)	67.35
14	Machap (Johor)	77.08
15	Sungai Tinggi (Selangor)	76.88
16	Sembrong (Johor)	82.54
17	Tasik Subang (Selangor)	87.93
18	Sultan Azlan Shah (Perak)	91.21
19	Pedu (Kedah)	68.07
20	Ahning (Kedah)	75.30
21	Anak Endau (Pahang)	64.89